

■ Penduduk sentiasa bersiap sedia alih barangan rumah setiap kali hujan lebat

Berjaga-jaga pantau banjir

FOTO: MUHAMMAD SULAIMAN

» DARI MUKA I

Penduduk mendakwa masalah berkenaan semakin teruk sejak tiga tahun lalu apabila terdapat beberapa pembangunan yang menyebabkan saluran perparitan menjadi tidak teratur dan air longkang melimpah keluar memasuki rumah.

Penduduk, Mohd Salleh Amat, 68, berkata, sejak awal tahun ini, rumahnya sudah dua kali dinaiki air yang menyebabkan pelbagai perabot dan peralatan elektrik di dalam rumah rosak.

"Kami tidak senang duduk setiap kali hujan lebat kerana perlu bersiap sedia untuk mengalihkan barang ke tempat lebih tinggi kerana banjir kilat pasti berlaku.

"Jika hujan waktu malam, kami berjaga-jaga dan bersenggang mata kerana khuatir tidak sedar bila banjir berlaku.

"Malah apabila banjir, kami tidak dapat keluar masuk ke kawasan rumah menggunakan kenderaan,"



MOHD Salleh menolak basikal sambil meredah banjir.



MOHD Salleh membersihkan bahagian dapur rumah bersama cucu, Muhammad Haiqal Sukri selepas air surut.



HAZUDIN menunjukkan saluran longkang yang dipenuhi air.

katanya ketika ditemui di sini, baru-baru ini.

Seorang lagi penduduk, Hazudin Habib, 51, berkata, kejadian banjir kilat itu ber-

laku ekoran longkang besar yang sepatutnya menyalurkan air parit berhampiran rumah penduduk ditutup pihak pemaju menyebabkan air bertakung dan melimpah.

"Air hujan tidak dapat mengalir sekali gus melimpah dan memasuki rumah. Saya berharap pihak bertanggungjawab dapat menyelesaikan isu ini kerana kami sudah penat untuk menghadapinya.

"Malah, parit di sekitar

kampung juga tersumbat dan tidak diselenggara pihak berwajib, sekali gus memburukkan lagi keadaan dan kami sebagai penduduk terpaksa hidup dalam keadaan tidak selesa kerana masalah yang masih belum selesai," katanya.

Sementara itu, Ahli Majlis Perbandaran Klang (MPK) Irene Wong berkata,

pihaknya sudah mengadakan pertemuan dengan pemaju di kawasan terbabit bagi membincangkan hal berkenaan.

"Kami meminta pemaju supaya membentangkan pelan pembangunan kepada JKKK (Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung) supaya kedua-dua pihak mendapat

kata putus dan menyelesaikan isu ini.

"MPK juga akan menghantar pasukan pemantau ke kawasan kampung bagi mengetahui keadaan banjir di kawasan itu dan langkah susulan akan diambil.

"Kami bersedia memberi kerjasama kepada penduduk termasuk menyediakan peralatan sekiranya mereka mahu mengadakan gotong-royong untuk membersihkan parit yang tersumbat," katanya.

FAKTA
Penduduk dakwa banjir kilat berlaku akibat longkang besar ditutup pemaju menyebabkan air bertakung